

Ubah suai kuasa veto, kembali tujuan asal PBB

NEW YORK 28 Sept. - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sudah tiba masanya untuk kuasa veto diubah suai jika pun ia tidak dapat dimansuhkan sepenuhnya serta menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kembali kepada tujuan asal penubuhannya.

Beliau mencadangkan supaya penggunaan kuasa veto hanya sah jika dua negara yang mempunyai kuasa veto bersama tiga anggota yang tidak memiliki kuasa veto bersetuju untuk menggunakannya demi memastikan kekerapan salah guna kuasa veto berkurangan.

"Negara yang memiliki kuasa veto tidak sepatutnya mengangap diri mereka sentiasa tidak terkecuali daripada undang-undang dan norma antarabangsa," kata Dr. Mahathir ketika menyampaikan kenyataannya pada

Perbahasan Umum Sesi Ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini semalam.

Beliau berkata, lima negara mendakwa mencapai kemenangan dalam Perang Dunia Kedua tiga suku abad yang lalu, dan atas dasar itu, menegaskan hak untuk memerintah dunia, dengan memberikan diri mereka kuasa veto terhadap semua negara dunia dalam PBB.

"Berapa lama lagi kumpulan ini harus dibenarkan untuk menggunakan kuasa ini? Berapa lama, selama-lamanya? Jangka masa yang tidak dinyatakan itu nampaknya kekal," kata beliau sambil merujuk kepada kuasa veto yang dimiliki oleh lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB - China, Perancis, Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir

berkata, komuniti antarabangsa perlu memberi perhatian terhadap fenomena perubahan iklim dan bencana alam yang banyak dipengaruhi oleh aktiviti manusia daripada membuat persediaan untuk berperang.

Menurut beliau, negara-negara juga harus membuat persediaan berdepan dengan gempa bumi besar, taufan dan ribut taufan, banjir dan kejadian tanah runtuh.

Selain itu, Dr. Mahathir menonjolkan ironi masyarakat antarabangsa yang menganggap diri mereka bertamadun ketika sebenarnya mereka masih sangat primitif apabila menerima perbuatan membunuh orang sebagai kaedah untuk menyelesaikan pertikaian antara negara-negara atau dalam negara.

Beliau menyatakan Malaysia telah melancarkan kempen menjadikan peperangan satu jenayah, selaras dengan objektif PBB.